

Cedera diserang Rottweiler

Budak menunggang basikal ke rumah rakan dicakar anjing selepas tertiarap atas jalan

>>Oleh Zulfa Mohamad
am@hmetro.com.my

BUKIT MERTAJAM: “Sambil menahan sakit, saya tidak tahu bagaimana hendak melawan anjing itu,” kata Dhiya Qairina Muhammad Nur Akmal, 7, yang cedera diserang anjing jantan ketika menunggang basikal berhampiran rumahnya di Bandar Perda, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 6.45 petang itu, mangsa menunggang basikal untuk ke rumah rakannya tanpa menyedari seekor anjing hampir dua kali ganda saiz badannya memerhatikannya.

Anjing berkenaan yang dipercayai Rottweiler tiba-tiba menerkam dan menggigit belakang mangsa menyebabkan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Baru Perda itu menjerit kesakitan.



CEDERA...ibu mangsa, Radziah Mohd Adas menunjukkan kesan gigitan Rottweiler (gambar kecil) di belakang Dhiya.

FOTO | Mohd Kamil Rahim

“Saya berasa sakit sangat di belakang namun tidak mampu berbuat apa-apa kecuali menjerit kerana anjing itu sangat besar,” katanya ketika ditemui di Hospital KPJ, di sini, semalam.

Kebetulan jeritan mangsa didengari bapanya, Muhammad Nur Akmal Abdul Latif, 47, yang sedang membaiki kereta sebelum bergegas untuk melihat apa yang berlaku.

Menurut Muhammad Nur Akmal, dia terperanjat apabila mendapati seekor anjing besar warna hitam menggigit dan mencakar belakang anaknya yang tertiarap atas jalan.

“Saya betul-betul geram melihat tindakan anjing itu dan cuba menghalaunya namun ia tetap tidak melepaskan anak saya.

“Sebaik saya mengambil basikal untuk menghentaknya, baru anjing itu melarikan diri

selepas menyerang anak saya lebih lima minit,” katanya.

Muhammad Nur Akmal mengejarkan anaknya ke Hospital KPJ untuk rawatan sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Prai Tengah (IPDSPT).

“Doktor memberitahu, anak saya perlu berada ke wad sekurang-kurangnya tiga hari walaupun lukanya tidak perlu dijahit.

“Apa yang membimbangkan adalah anak saya cukup trauma dengan kejadian berkenaan,” katanya.

Difahamkan, anjing berkenaan terlepas dari kandang rumah pemiliknya yang terletak kira-kira 100 meter dari tempat kejadian.

Pemilik anjing berkenaan sudah melawat dan meminta maaf kepada bapa mangsa atas kejadian itu dan mendakwa kunci kandang anjingnya rosak menyebabkan

haiwan itu terlepas.

Menurutnya, pihaknya bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik anjing berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah SPT, Asisten Komisioner Azman Ab Lah, ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan sudah mengambil keterangan pemilik anjing terabit untuk siasatan mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan.

Katanya, sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga enam bulan dan denda sehingga RM2,000.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd Sharif, berkata pihaknya sudah mengambil anjing itu dan menyerahkan haiwan itu kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk siasatan lanjut.